

**SURAT PEKELILING BERSAMA
TRANSFORMASI DAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Sarawak/Persekutuan
Semua Ketua Agensi Sarawak/Persekutuan
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak/Persekutuan
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan

PERKARA: **KETETAPAN BAHARU INISIATIF TRANSFORMASI DAN INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK BAGI
SARAWAK CIVIL SERVICE INNOVATION CONVENTION AWARDS
(SCSICA)**

RUJ.KAMI: JPS/STIU/2000-2/2/1.03 JLD.5 (14) **TARIKH:** 8 April 2025

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Bersama ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan mengenai pelaksanaan *Sarawak Civil Service Innovation Convention Awards* (SCSICA) dan mendorong penglibatan menyeluruh agensi Kerajaan dalam memacu inovasi serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam di Sarawak.

2.0 PENGENALAN

2.1 SCSICA merupakan platform strategik yang mempromosikan projek-projek inovasi dalam kalangan penjawat awam bagi menangani cabaran sektor perkhidmatan awam secara kreatif dan berkesan.

2.2 Inisiatif ini menggalakkan kerjasama Kumpulan *Innovative and Creative Circle* (ICC) dengan fokus kepada penghasilan penyelesaian berasaskan teknologi, data dan pendekatan baharu untuk memenuhi keperluan rakyat dengan lebih efektif.

3.0 KETETAPAN BAHARU

3.1 Pelaksanaan Konvensyen Mini ICC dan Konvensyen SCSICA

3.1.1 Konvensyen Mini ICC dan Konvensyen SCSICA akan diadakan setiap **dua (2) tahun** bermula pada tahun **2026**. Pelaksanaan ini akan berselang-seli dengan pelaksanaan Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Sarawak (AKPANS). Konvensyen ini berperanan sebagai platform utama untuk mempamerkan idea dan penyelesaian inovatif dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam yang efektif serta efisien di kalangan penjawat awam seluruh Sarawak.

3.1.2 Konvensyen Mini ICC bertindak sebagai proses saringan bagi Kumpulan ICC untuk membentangkan dan mempamerkan projek masing-masing di peringkat Agensi Pusat.

3.1.3 Pelaksanaan Konvensyen Mini ICC akan diselaraskan mengikut perincian dalam **Lampiran 1**.

3.2 Konvensyen SCSICA

3.2.1 Projek yang memenuhi kriteria penilaian dalam Konvensyen Mini ICC akan disenarai pendek untuk dibawa ke peringkat akhir iaitu Konvensyen SCSICA.

3.2.2 Pada peringkat ini, Kumpulan ICC berpeluang mempamerkan projek mereka dan menjalin kerjasama antara agensi serta menghasilkan model penyelesaian terbaik yang boleh diaplikasikan secara meluas dalam sektor perkhidmatan awam.

4.0 IMPAK DAN HARAPAN

Melalui SCSICA, Kerajaan berharap dapat memupuk budaya kerja yang inovatif dalam kalangan penjawat awam. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030 untuk menjadikan Sarawak sebagai sebuah wilayah maju, progresif dan mampan.

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk:

- 5.1 Menggalakkan penglibatan aktif kumpulan dalam pembangunan projek inovasi, memberi bimbingan dan menyediakan sumber daya yang diperlukan kepada Kumpulan ICC.
- 5.2 Menyediakan ruang dan platform untuk memupuk kreativiti serta inovasi di peringkat agensi.
- 5.3 Memastikan kajian dan pertimbangan dilakukan untuk menjamin kelestarian serta impak jangka panjang projek-projek ICC yang telah dibentangkan dan dipamerkan di kedua-dua konvensyen tersebut.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai hingga dibatalkan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



**(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR
BIN MARZUKI)**
Setiausaha Kerajaan Sarawak



**(DATO AHMAD NADZRI
BIN MOHD HASSAN)**
Setiausaha Persekutuan Sarawak

PELAKSANAAN KONVENSYEN MINI ICC PERINGKAT AGENSI PUSAT

Bil.	Agensi Pusat	Agensi Seliaan
1	Jabatan Premier Sarawak (JPS)	• Unit dan Agensi di bawah JPS • Pejabat Residen dan Daerah • Agensi yang bukan di bawah seliaan mana-mana Kementerian
2	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS)	• Agensi Persekutuan di Sarawak • Badan-Badan Berkanun Persekutuan
3	Kementerian Sarawak	• Agensi – Agensi SCS yang di bawah seliaan Kementerian masing-masing sepertimana termaktub dalam <i>The Sarawak Government Gazette Part II</i> • Manakala Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak terletak di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG)